

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. IR. TS. DR MOHAMAD HAFIZ
MAMAT
TIMBALAN REKTOR
PENYELIDAKAN & INOVASI**

**MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**4 MEI 2025 | AHAD | 11.30 PAGI
DK500, FAKULTI FARMASI
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN

WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL

ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI

WASOHBIHI AJMAIN

Saudara Muhammad Iman Zulkifli,

Yang Di-Pertua, Majlis Perwakilan Pelajar UiTM
Cawangan Selangor,

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan
Selangor,

Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar UiTM
Cawangan Selangor,

Sekretariat Mahasiswa Fakulti, serta pemimpin-
pemimpin kelab dan persatuan, serta mahasiswa

mahasiswi UiTM Cawangan Selangor yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, **mewakili Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir untuk menjayakan **Majlis Perasmian Penutupan Kursus Pengurusan Organisasi UiTM Cawangan Selangor (KPO UCS)**.
2. Marilah kita sama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Ilahi, dengan limpah kurniaNya dapatlah kita berkumpul pada hari ini.

3. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada **Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2024/2025** bersama **Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar** kerana telah berjaya menganjurkan kursus ini.
4. Tahniah juga kepada semua pemimpin mahasiswa yang terlibat dalam menghadiri kursus ini.

Mahasiswa yang dikasihi sekalian,

5. Dalam sesebuah organisasi, pengurusan yang cekap, sistematik dan berintegriti adalah tunjang utama kepada kejayaan.
6. Dalam konteks institusi pendidikan tinggi seperti UiTM, setiap ahli dalam organisasi memainkan peranan penting yang saling melengkapi.
7. Melihat kepada pengisian serta slot-slot yang telah disusun untuk saudara dan saudari sekalian, saya percaya bahawa kursus ini amat bertepatan dengan

hasrat untuk memperkasakan kemahiran kepimpinan, komunikasi, dan pengurusan kewangan dalam kalangan pemimpin mahasiswa.

8. Seperti semua sedia maklum, kita kini berada dalam era perubahan yang pantas, dipacu oleh kemajuan teknologi yang semakin pesat.
9. Ini menuntut kita untuk sentiasa bersedia dan mampu menyesuaikan diri dengan cabaran yang wujud di peringkat tempatan mahupun global.
10. Bertepatan dengan amanat YBhg. Datuk Naib Canselor, keupayaan untuk terus belajar dan menyesuaikan diri dengan perubahan merupakan kunci kepada kejayaan.
11. Justeru, adalah penting untuk kita membina organisasi yang kompeten dan memiliki daya saing yang tinggi.

12. Saya yakin, bagi mencapai matlamat tersebut, beberapa perkara utama perlu dilakukan, antaranya adalah memperkukuhkan struktur organisasi, memperkasa pengetahuan ahli, menanam budaya kerja yang cemerlang, serta menjunjung nilai-nilai profesionalisme dalam semua aspek kepimpinan.
13. Saya berharap agar kursus ini tidak hanya menjadi satu program latihan semata-mata, tetapi menjadi medan perkongsian ilmu, pembelajaran berterusan dan ruang untuk menambah baik diri serta organisasi.
14. Gunakan segala ilmu, input dan pengalaman yang dikongsi sepanjang kursus ini untuk menambah nilai kepada organisasi saudara dan saudari, serta menyumbang ke arah kecemerlangan UiTM sebagai sebuah institusi yang melahirkan graduan berkualiti dan berdaya saing.

Berjalan malam bertemankan pelita,
Berbunga tanjung harum mewangi.
Menuntut ilmu bekalan pemuda,
Menjadi pemimpin bijak bestari.

15. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya
dengan sukacitanya merasmikan **Kursus
Pengurusan Organisasi UiTM Cawangan
Selangor (KPO UCS).**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**